

192545
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
b65115-A452011

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
192545

Malay language - Syntak
Malay language -- Grammar

PERPUSTAKAAN UPSI	
Nombor Perolehan	T 8615
Tarikh Perolehan	20/12/11
Punca	FBK
Harga	Rm 200.00
Bilangan Naskah	1
Nombor Panggilan	

KESALAHAN SINTAKSIS DALAM KARANGAN MURID CINA TAHUN LIMA: SATU ANALISIS STRUKTUR

AMIZAN BINTI ADNAN

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMENUHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2011

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

18 APRIL 2011



Amizan
AMIZAN BINTI ADNAN
M20091000182

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang


Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi yang telah menganugerahkan kekuatan sehingga saya dapat menyempurnakan kajian ini. Dengan yang demikian, saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Dr. Adenan Ayob, selaku penyelia yang telah banyak memberi bimbingan, dorongan dan nasihat dalam menyiapkan tugas ini. Tidak lupa kepada pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi yang telah banyak memberi tunjuk ajar sepanjang pengajian saya di universiti ini.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada sahabat baik saya yang telah bersama-sama menempuh cabaran sepanjang tiga tahun pengajian di universiti ini. Begitu juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang lain. Jasa dan kenangan bersama-sama kalian akan sentiasa saya kenang. Seterusnya ucapan terima kasih saya tujuarkan kepada semua pihak yang terlibat membantu saya sama ada secara langsung atau tidak bagi membolehkan projek ini dilaksanakan.

Akhir sekali, penghargaan istimewa ini saya tujukan kepada suami tercinta iaitu Zainuddin B. Abd.Malek dan anak-anak tersayang yang sentiasa memberi semangat, dorongan, dan sokongan.


ABSTRAK

Penulisan karangan merupakan antara elemen penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sama ada di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah. Dalam proses penulisan karangan itu, setiap murid dituntut agar dapat memberikan idea-idea bernes dan membina ayat-ayat gramatis. Walaupun seseorang murid itu ada idea namun jika kurang dapat membina ayat yang mengikut struktur ayat yang betul maka idea yang ingin dinyatakan tidak kesampaian. Oleh itu, kajian ini cuba mengupas pemasalahan penulisan karangan bahasa Melayu terutamanya bagi murid berbangsa Cina. Tumpuan kajian adalah bertumpu kepada kesalahan sintaksis dalam penulisan karangan murid-murid dan kaedah yang digunakan ialah kaedah tinjauan, kajian kepustakaan dan analisis kandungan. Berdasarkan kajian terhadap kesalahan sintaksis dari segi analisis struktur dalam karangan murid Cina, beberapa rumusan dapat dibuat. Hasil kajian mendapati bahawa terdapatnya beberapa faktor yang mempengaruhi kesalahan sintaksis dalam penulisan karangan murid. Kajian turut mencadangkan agar pelbagai pendekatan, kaedah dan teknik diaplikasikan oleh guru-guru agar murid-murid dapat menghasilkan karangan yang baik.



ABSTRACT

Writing essays is one important element in the process of teaching and learning of Malay language either at school or at school. In the essay writing process, each student is required to provide the ideas and construct grammatically verses. While a student there, but if the idea is less to build a sentence in accordance with proper sentence structure, the idea that wants are not met. Therefore, this study attempts to peel pemasalahan Malay essay writing, especially for Chinese students. The focus of research is focused on syntax errors in essay writing of students and the method used was a survey, literature review and content analysis. Based on the study of syntax errors in the structural analysis of Chinese students' essays, some solutions can be made. The study found that there were several factors that affect the syntax errors in student essay writing. Research also suggests that a variety of approaches, methods and techniques applied by teachers for students to produce a good essay.



KANDUNGAN

	Muka surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	3
1.4 Objektif Kajian	4
1.5 Soalan Kajian	5
1.6 Kepentingan Kajian	5
1.7 Batasan Kajian	7
1.8 Definisi Istilah	7
1.8.1 Sintaksis	7
1.8.2 Karangan	9
1.8.3 Analisis	10
1.8.4 Murid Cina	11
1.8.5 Bahasa Pertama	12
1.8.6 Bahasa Kedua	12
1.9 Kesimpulan	13

Muka surat**BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pendahuluan	14
2.2	Teori	14
	2.2.1 Teori Pembentukan Kebiasaan	15
	2.2.2 Teori Pembelajaran Kod-Kognitif	15
	2.2.3 Teori Pembelajaran Fungsionalis	15
	2.2.4 Teori Pembelajaran Interaksionalis	16
	2.2.5 Teori Pembelajaran Situasionalis	16
	2.2.6 Teori Pembelajaran Anggapan	16
2.3	Kajian Berkaitan	17
2.4	Kerangka Teoritikal Analisis Kesilapan	24
2.5	Kesimpulan	33

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	34
3.2	Kaedah Kajian	34
	3.2.1 Kaedah Tinjauan	35
	3.2.2 Kaedah Kepustakaan	35
	3.2.3 Analisis Kandungan	39
3.3	Sampel Kajian	41
3.4	Lokasi Kajian	41
3.5	Proseder Pengumpulan Data	42
3.6	Proseder Penganalisisan Data	43
3.7	Kesimpulan	44

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	45
4.2	Dapatan Kajian	45
4.2.1	Maklumat Latar Belakang Guru Bahasa Melayu	46
4.2.2	Pemasalahan Pengajaran dan Pembelajaran Karangan Murid Cina	
	Murid Cina	47
4.3	Kesalahan Sintaksis dalam Karangan Murid Cina	49
4.3.1	Ayat Tergantung	49
4.3.2	Kesalahan Ayat Majmuk	50
4.3.3	Struktur Ayat yang Tunggang-Langgang	51
4.4	Tahap Kesalahan Sintaksis Karangan Murid Cina	52
4.5	Kesimpulan	54

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	55
5.2	Pemasalahan Guru dalam Penulisan Karangan Murid Cina	55
5.3	Pengaruh Bahasa Ibunda	59
5.4	Kesalahan Sintaksis dalam Karangan Murid Cina	61
5.5	Cadangan Kajian Lanjut	63

RUJUKAN

64

LAMPIRAN

Lampiran A	67
Lampiran B	71

Lampiran C

72

Lampiran D

73



SENARAI JADUAL

Jadual

muka surat

2.1	Maksud Pendekatan dan Kaedah dalam Pengajaran Bahasa Melayu	19
2.2	Maksud Teknik dan Strategi dalam Pengajaran Bahasa	20
2.3	Perbezaan Struktur Ayat Bahasa Melayu dan Bahasa Cina	23
3.1	Proses Pemeringkatan Pengumpulan Data	43
4.1	Maklumat Latar Belakang Guru Bahasa Melayu	46
4.2	Kesalahan Sintaksis dalam Karangan Murid Cina	52

SENARAI RAJAH**Rajah****muka surat****2.1 Model Pendekatan Konvensional****22**

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesalahan sintaksis dalam penulisan karangan murid Cina dari segi analisis struktur. Dalam bahagian ini, pengkaji menjelaskan berkenaan dengan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi istilah.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kemahiran menulis adalah merupakan antara kemahiran asas yang penting selain daripada membaca, mendengar dan bertutur. Di dalam perancangan sukanan pelajaran Bahasa Melayu dari sekolah rendah hingga ke sekolah menengah memperlihatkan kepentingan kemahiran menulis. Sukanan pelajaran Bahasa Melayu yang terbaru

iaitu dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) menggariskan bahawa murid-murid harus dapat menghasilkan pelbagai jenis penulisan. Mereka perlu tahu dan boleh menulis karangan sama ada penulisan berbentuk keperihalan, fakta, cerita, perbincangan, laporan, imaginasi serta menggunakan pemikiran yang kreatif dan kritis.

Sememangnya penulisan karangan antara komponen utama dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) bagi Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan (C) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (T). Walaupun soalan peperiksaan antara SK dan SJK tidak sama namun skema pemarkahan dan cara penilaian kertas penulisan tersebut adalah sama arasnya. Kertas soalan penulisan karangan mengandungi tiga bahagian dan calon perlu menjawab kesemuanya. Di dalam Bahagian A, terdapat bahan rangsangan seperti gambar, jadual, peta, atau rajah dan murid-murid diminta membina lima ayat berdasarkan bahan rangsangan tersebut. Di dalam Bahagian B pula mengandungi tiga soalan yang mengandungi karangan berformat dan karangan tidak berformat. Calon boleh memilih satu soalan dan bahagian ini merupakan bahagian yang amat penting kerana markah yang diperuntukkan adalah sebanyak 30 markah daripada jumlah markah iaitu 60 markah dan kekuatan atau kelemahan murid-murid dari segi idea dan struktur ayat dikesan dalam bahagian ini. Di dalam Bahagian C pula, murid-murid perlu merumus karangan berpandukan petikan untuk menuliskan nilai-nilai murni atau pengajaran.

Penubuhan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina adalah sama seperti sekolah-sekolah lain di Tanah Melayu iaitu adanya ramai orang Cina di sesuatu tempat maka akan tertubuhlah sekolah Cina di situ. Sekolah Cina tersebut dibuka oleh kesatuan-

kesatuan Cina yang datang dari negeri China dan sesetengahnya dibuka daripada sumbangan orang-orang kaya dan ibu bapa. Sifat sekolah ini adalah seperti sekolah-sekolah di negeri China. Seterusnya dalam tahun 1924, kerajaan telah memberikan bantuan kepada sekolah-sekolah Cina berdasarkan bilangan murid, kemajuan sekolah dan saiz sekolah. Mulai tahun 1945 barulah semua sekolah Cina diberi bantuan dan pada tahun 1962 semua sekolah rendah Cina dijadikan sekolah kerajaan.

Berdasarkan pelbagai kajian ataupun pemerhatian kita seharian dalam perbualan, kita dapat bahawa seseorang pengguna bahasa itu tidak dapat lari daripada dipengaruhi bahasa ibundanya , dialek atau loghat asal usulnya. Maka, penggunaan bahasa ibunda murid Cina juga memberi kesan dalam pertuturan mahupun penulisan bagi bahasa kedua mereka. Dalam penulisan karangan terutama murid yang berbangsa Cina pengaruh ini jelas dapat dilihat dalam pembinaan ayat.

1.3 Pernyataan Masalah

Guru menghadapi pelbagai masalah semasa mengajar mahupun menyemak penulisan karangan murid Cina. Pemasalahan yang rencam menjadikan guru tidak dapat mengenal pasti masalah murid mereka dalam penulisan karangan.

Perkaitan pengaruh bahasa ibunda pula menjelaskan pembinaan ayat yang gramatis dalam karangan murid. Kewujudan pengaruh bahasa ibunda murid memberi kesan dan mempengaruhi proses pembelajaran mereka.

Terdapat pelbagai kesalahan sintaksis dalam penulisan karangan murid. Antara kesilapan sintaksis yang ketara adalah dari segi struktur ayat, ayat tergantung, keceluaran dalam penggunaan objek dan predikat dan penyalahgunaan ayat pasif. Ketidaktentuan dalam pembinaan ayat jelas menunjukkan ada faktor yang menyebabkan keadaan sedemikian berlaku.

Walau bagaimanapun, perbincangan tentang hasil kajian ini memberikan tumpuan yang menjurus kepada 3 aspek. Aspek yang pertama, menyentuh pemasalahan dalam pengajaran dan pembelajaran murid. Aspek yang kedua berkaitan dengan pengaruh bahasa ibunda dalam penulisan manakala aspek ketiga didasarkan pada perincian kesalahan sintaksis dalam penulisan karangan murid Cina.

1.4 Objektif Kajian

Tidak dapat dinafikan terdapat dalam kalangan murid Cina yang mempunyai tahap penguasaan bahasa Melayu yang agak baik, tetapi bilangan mereka ini adalah amat terhad. Ada setengah-setengah daripada mereka hanya berkebolehan untuk berbual namun kemahiran membina ayat yang gramatis amat kurang. Tujuan kajian diadakan adalah untuk mengenal pasti:

- i. masalah yang guru hadapi dalam penulisan karangan murid;
- ii. pengaruh bahasa ibunda mempengaruhi karangan murid-murid Cina;
dan
- iii. kesalahan sintaksis dalam penulisan karangan murid Cina.

1.5 Soalan Kajian

Beberapa soalan kajian digubal untuk penyelidikan ini. Kajian ini akan cuba menjawab soalan-soalan yang berikut:

- i. Apakah masalah yang dihadapi guru dalam penulisan karangan murid?
- ii. Apakah pengaruh bahasa ibunda menjelaskan karangan murid Cina?
- iii. Apakah kesalahan sintaksis yang dilakukan oleh murid Cina dalam karangan?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dapat membantu banyak pihak bagi menangani masalah kesalahan sintaksis karangan murid terutama dalam kalangan murid Cina. Kajian ini bermanfaat kepada murid, guru, pihak sekolah, jabatan pelajaran dan kementerian pelajaran.

Murid akan memperoleh maklumat dan pengetahuan daripada kajian yang dilakukan ini dengan mengetahui punca masalah kesalahan sintaksis dalam karangan mereka. Setelah murid mengenal pasti kesilapan yang mereka lakukan, maka mereka dapat memperbaiki struktur ayat. Seterusnya, ayat murid lebih gramatis dan kualiti penulisan murid akan meningkat.

Bagi guru yang mengajarkan bahasa Melayu terutama karangan dalam kalangan murid Cina, mereka dapat mengetahui dengan lebih jelas masalah yang dihadapi muridnya. Selaras dengan itu, guru dapat merangka dan menyediakan teknik

dan kaedah yang sesuai bagi proses pengajaran dan pembelajaran. Guru lebih mudah membuat aktiviti pengayaan atau pemulihan apabila daerah kelemahan murid dikenal pasti.

Pihak sekolah pula boleh jadikan kajian ini sebagai panduan untuk membuat kajian tindakan atau mengadakan program bagi mempertingkatkan prestasi penulisan karangan murid. Sumber maklumat yang diperoleh tentang pemasalahan guru dan murid dalam kajian ini boleh dibandingkan dengan masalah pembelajaran murid di sekolah masing-masing. Cara ini lebih menjimatkan masa dan tenaga pihak sekolah bagi menangani serta memperbaiki kelemahan pencapaian murid dalam penulisan karangan.

Kajian yang dilakukan ini juga dapat memberikan input kepada pihak pejabat pendidikan daerah. Input-input yang diperoleh akan dijadikan laporan untuk diperluaskan lagi kepada sekolah-sekolah yang menghadapi masalah dalam menangani kelemahan murid dalam penulisan karangan. Pelaporan yang dilakukan ini memang sesuai kepada pihak pejabat pendidikan daerah kerana penyelidikan ini sememangnya menjurus kepada pengalaman sebenar guru, murid dan pihak sekolah.

Secara tidak langsung kajian ini turut dapat memberi panduan kepada pihak kementerian pelajaran dalam membuat penggubalan kurikulum. Penambahbaikan bagi kajian seterusnya juga dapat dilakukan dengan melihat faktor-faktor yang menjadi masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan serta maklumat yang terkandung dalam kajian ini.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini dilaksanakan di SJK (C) Tsung Wah, Kuala Kangsar yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pertama dan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Responden dalam kajian ini terdiri daripada tiga orang guru yang mengajar bahasa Melayu dan 148 orang murid.

Dalam kesalahan sintaksis penulisan karangan murid, penyelidik memberikan tumpuan kepada ayat tergantung, kesalahan struktur ayat majmuk dan ayat yang tunggang-langgang. Guru yang mengajar bahasa Melayu tahun lima ditemui ramah untuk mengenal pasti pemasalahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan.

Murid pula diminta menulis karangan daripada tajuk yang diberikan. Penekanan dan penumpuan penyelidik adalah terhadap ayat-ayat penulisan karangan murid dan bukannya berdasarkan kepada tajuk karangan yang mereka pilih.

1.8 Definisi Istilah

1.8.1 Sintaksis

Istilah sintaksis berasal daripada perkataan Yunani, ‘Suntutein’ yang bermakna menyusun. Maka, sintaksis diambil sebagai istilah untuk mengkaji pembentukan ayat, iaitu sebagaimana morfem dan kata disusun menjadi unit

sintaksis yang terkecil, iaitu frasa, atau menjadi klausa dan ayat, dan ayat merupakan unit yang terbesar.

Nik Safiah Abdul Karim (1986), mendefinisikan sintaksis sebagai kajian tentang prinsip dan proses pembinaan ayat dalam sesuatu bahasa. Komponen sintaksis merupakan komponen yang tertinggi dalam tatabahasa. Malah sintaksis memberikan kemungkinan yang amat luas untuk kita menampilkan pemikiran dan ilmu melalui pemilihan pola-pola ayat yang sesuai. Kamus Dewan Edisi Ketiga (1994) pula mendefinisikan sintaksis sebagai pengetahuan iaitu cabang ilmu linguistik, peraturan dan sebagainya tentang susunan kata dalam ayat.

Dalam kajian ini, sintaksis bermaksud struktur ayat atau pembinaan ayat yang gramatis dan idea yang hendak disampaikan dapat difahami dengan jelas.

Siti Hajar Abdul Aziz (1996) menjelaskan sintaksis adalah sebahagian daripada ilmu linguistik yang berusaha menjelaskan unsur-unsur sesuatu satuan serta hubungan antara unsur-unsur itu sama ada dari segi fungsi atau hubungan makna.

Sintaksis dapat ditakrifkan sebagai bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur dan binaan atau konstruk ayat. Kita juga dapat memahami bidang sintaksis sebagai kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok

perkataan untuk membentuk ayat dalam sesuatu bahasa (Tatabahasa Dewan, 1995).

Ini bertepatan dengan pendapat John Lyons (1970) yang menyatakan sintaksis merupakan satu bidang yang memperkatakan tentang cara perkataan-perkataan dijalinkan untuk membentuk ayat dan mengkaji rumus-rumus yang dapat menerbitkan ayat-ayat yang gramatikal yang terdapat dalam satu-satu bahasa. Oleh itu, ayat terletak pada peringkat susunan yang tertinggi dalam tatabahasa. Unsur-unsur tatabahasa dapat dijelaskan seperti yang berikut:

Ayat: Anak kecil itu menangis.

Klausa: Anak kecil itu menangis.

Frasa: Anak kecil itu / menangis.

Perkataan: anak / kecil / itu / menangis

Aspek-aspek yang menjadi kajian bidang sintaksis ialah struktur binaan ayat, pembahagian subjek dan predikat, ayat dasar dan ayat terbitan, susunan dalam ayat, urutan kata, perpindahan kata, ragam ayat dan jenis-jenis ayat.

1.8.2 Karangan

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (1994) telah memberi beberapa takrifan tentang ‘karangan’ iaitu:

1. gubahan bungan, cucukan (manik dsb), susunan
2. ciptaan (cerita, lagu dll)

3. rekaan, khayalan

4. ahli, pandai, tukang

5. yang dikarang oleh, gubahan, ciptaan

Za'ba (1952) pula telah menegaskan bahawa "Karangan adalah hasil daripada kepandaian atau kemahiran mengubah atau menyusun kata-kata untuk dijadikan rangkai kata atau frasa dan seterusnya untuk dijadikan ayat." Beliau lalu menyimpulkan bahawa sesebuah karangan itu mengandungi ayat-ayat yang telah digubah atau disusun untuk dijadikan cerita, laporan, penerangan dan sebagainya.

Maka, definisi karangan dalam kajian ini mengikut pendapat penyelidik adalah merupakan susunan ayat daripada cetusan idea yang diolah dalam pemerengganan. Murid perlu menulis karangan mengikut topik yang diajarkan dan perbincangan diadakan bagi memperoleh isi-isi karangan serta mempelbagaikan lagi kosa kata. Bagi SJK (C), jenis penulisan karangan sama juga seperti sekolah SJK (T) dan SK iaitu meliputi karangan berformat dan karangan tidak berformat.

1.8.3 Analisis

Mengikut Kamus Dewan Edisi Ketiga (1994) analisis bermaksud penyelidikan atau penghuraian sesuatu (seperti keadaan, masalah, persoalan dan lain-lain) untuk mengetahui pelbagai aspek secara terperinci atau mendalam. Ini

bermakna data yang diperoleh akan dikaji untuk tindakan selanjutnya sama ada untuk membanding, mencari punca atau menentukan cara-cara mengatasi sesuatu masalah.

Pengkaji akan membuat rujukan berdasarkan bahan-bahan yang terdapat di perpustakaan tentang kajian yang berkaitan dengan analisis kesilapan. Kajian-kajian ini penting bagi pengkaji memahami dengan lebih terperinci aspek-aspek yang berhubung dengan analisis kesilapan. Kajian-kajian tentang analisis kesilapan ini telah banyak dilakukan oleh pengkaji pengkaji barat dan juga tempatan.

Analisis kesilapan merupakan bidang linguistik terapan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa. Dalam mempelajari bahasa kedua, seseorang pelajar pasti akan membuat kesilapan. Kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dalam tempoh belajar bahasa kedua ini memang tidak dapat dielakkan.

1.8.4 Murid Cina

Murid Cina yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah satu kumpulan yang terdapat di Malaysia. Mereka menggunakan bahasa ibunda mereka dalam konteks kehidupan harian. Bahasa yang digunakan oleh mereka ialah bahasa Mandarin di samping terdapat juga dialek-dialek seperti Hokkien, Hakka, Kantonis, Teochew dan Hailam.